

IKHLAS IMPIANKU

Bayaran yang berjadual
setiap dua tahun.
Realisasikan Setiap Impian.



Apakah IKHLAS Impianku?

IKHLAS Impianku adalah plan takaful yang patuh Syariah yang menawarkan perlindungan berserta Manfaat Impian yang unik — pembayaran tunai berjadual setiap dua tahun untuk membantu anda mencapai impian anda.

Dengan Manfaat Impian ini, anda boleh merancang masa depan dengan yakin sambil bersedia menghadapi ketidakpastian hidup. Setiap pembayaran tunai di bawah Manfaat Impian memberikan anda sokongan yang teratur dan boleh dipercayai untuk mengejar matlamat anda. Sama ada untuk membiayai perjalanan anda, mengembangkan perniagaan, atau memenuhi tanggungjawab kepada orang tersayang, **IKHLAS Impianku** memperkasakan perjalanan anda dengan kepercayaan, ketelusan, dan tujuan yang bermakna.

Bagaimana ia Berfungsi?

Senario 1: Haris, umur 40, menyertai IKHLAS Impianku **Pelan 5Pay20** sebagai perlindungan untuk diri sendiri dan tujuan persaraan. Oleh itu, dia memilih untuk melaburkan semula Manfaat Impian ke dalam Dana Individu Peserta (PIF) yang boleh membantu meningkatkan simpanannya sambil menikmati perlindungan Takaful.

Sepanjang 20 tahun tempoh perlindungan, **IKHLAS Impianku** menyediakan Manfaat Impian yang berikut untuk setiap 2 tahun:

Tahun Sijil Takaful Berakhir	Manfaat Impian (% daripada Amaun Perlindungan Asas)	Manfaat Impian (RM)
2	5.00	5,000
4		5,000
6		5,000
8		5,000
10		5,000
12	25.00	25,000
14		25,000
16		25,000
18		25,000
20		25,000
JUMLAH	150.00	150,000

Haris memilih Amaun Perlindungan Asas sebanyak RM100,000 dengan sumbangan sebanyak RM5,372.50 sumbangan bulanan.

1 Julai 2025

Sumbangannya tamat pada tahun ke 5.

1 Jun 2030

Apabila matang pada umur 60 tahun, Haris akan menerima yang berikut untuk dana persaraannya:

- Manfaat matang: RM100,000 +
- Simpanan di dalam PIF: RM150,000 (Manfaat Impian) + pulangan pelaburan.

30 Jun 2045

Senario: Haris meninggal dunia pada usia 52 tahun akibat kemalangan kereta:

Pada akhir tahun ke-13, Haris terlibat dalam kemalangan kereta yang mengakibatkan kematiannya. Isterinya sebagai benefisiari akan menerima jumlah berikut:


- Manfaat Kematian Akibat Kemalangan: RM100,000 +
- Amaun Perlindungan Kematian: RM200,000
- Simpanan di dalam PIF: RM86,451 (dengan andaian dengan pulangan pelaburan 5%*)

* selepas ditolak caj dan cukai yang berkenaan

Senario 2: Siti, umur 27, menyertai **IKHLAS Impianku** (**Pelan 10Pay25**) dimana dia berhasrat untuk mempunyai simpanan yang mencukupi bagi pendidikan Danial, bayi baru lahirnya, pada masa hadapan dan mencapai impiannya untuk membeli rumah dengan Manfaat Impian. Oleh itu, dia memilih untuk melaburkan semula Manfaat Impian ke dalam PIF.

Sepanjang 25 tahun tempoh perlindungan, **IKHLAS Impianku** menyediakan Manfaat Impian yang berikut untuk setiap 2 tahun:

Tahun Sijil Takaful Berakhir	Manfaat Impian (% daripada Amaun Perlindungan Asas)	Manfaat Impian (RM)
2	5.00	1,500
4		1,500
6		1,500
8		1,500
10		1,500
12	17.50	5,250
14		5,250
16		5,250
18		5,250
20		5,250
22	25.00	7,500
24		7,500
25		9,000
JUMLAH	192.50	57,750



Senario 3:

Julia, umur 25, menyertai **IKHLAS Impianku** **Pelan 20Pay30** dimana dia berhasrat untuk mencapai impiannya dengan Manfaat Impian. Oleh itu, dia memilih untuk melaburkan semula Manfaat Impian ke dalam PIF.

Sepanjang 30 tahun tempoh perlindungan, **IKHLAS Impianku** menyediakan Manfaat Impian yang berikut untuk setiap 2 tahun:

Tahun Sijil Takaful Berakhir	Manfaat Impian (% daripada Amaun Perlindungan Asas)	Manfaat Impian (RM)
2	5.00	750
4		750
6		750
8		750
10		750
12		750
14		750
16		750
18		750
20		750
22	25.00	3,750
24		3,750
26		3,750
28		3,750
30	80.00	12,000
JUMLAH	230.00	34,500

Julia memilih Amaun Perlindungan Asas sebanyak RM15,000 dengan sumbangan sebanyak RM232.30 sumbangan bulanan.

1 November 2025

Dia menggunakan pengeluaran pertamanya sebanyak RM800 untuk percutian.

23 Disember 2029

- Jumlah Manfaat Impian yang terkumpul untuk 4 tahun dari tarikh kuat kuasa adalah RM1,500.
- Baki Manfaat Impian selepas pengeluaran adalah RM700.

Semasa umur 35, dia telah melahirkan seorang anak dan telah mengeluarkan Manfaat Impian sebanyak RM2,000 sebagai tambahan untuk bayaran bil hospital.

15 November 2035

- Jika Manfaat Impian kekal terkumpul di dalam PIF untuk 10 tahun dari tarikh kuat kuasa, jumlah terkumpul adalah RM3,750.
- Walau bagaimanapun, selepas pengeluaran pertama, baki Manfaat Impian di dalam PIF adalah RM2,950.

Bayaran sumbangan Julia sekarang telah selesai. Dia memutuskan untuk menggunakan Manfaat Impian sebanyak RM4,500 sebagai tambahan untuk bayaran deposit untuk pembelian kereta barunya.

15 November 2045

- Jika Manfaat Impian kekal terkumpul di dalam PIF untuk 20 tahun dari tarikh kuat kuasa, jumlahnya adalah RM7,500.
- Walau bagaimanapun, selepas 2 pengeluaran sebelum ini, baki Manfaat Impian di dalam PIF adalah RM4,700.

Sijil Julia telah matang, dan dia menerima Manfaat Matangnya sebanyak RM15,000 bersama-sama dengan nilai PIF.

31 Oktober 2055

- Jika Manfaat Impian dikumpulkan di dalam PIF untuk 30 tahun dari tarikh kuat kuasa, jumlahnya adalah RM34,500.
- Walau bagaimanapun, selepas 3 pengeluaran, baki Manfaat Impian di dalam PIF adalah RM27,200.

Nota: 1. Ilustrasi Manfaat Impian di atas adalah tidak termasuk keuntungan pelaburan di dalam PIF.

2. Nilai PIF adalah termasuk Manfaat Impian yang terkumpul dan keuntungan pelaburan. Amaun ini adalah tidak dijamin.

Manfaat-manfaat



MANFAAT KEMATIAN/ HUMK

Semasa Kematian/ HUMK Orang Yang Dilindungi, yang lebih tinggi daripada berikut akan dibayar:

- Amaun Perlindungan Asas + Manfaat Impian tertunggak; atau
- 200% daripada Amaun Perlindungan Asas.

la akan dibayar dari Dana Risiko dan manfaat ini adalah dijamin. Amaun yang dibayar adalah tidak tertakluk kepada apa-apa yuran.

Di samping perkara di atas, sebarang baki di dalam Dana Individu Peserta (PIF) juga akan dibayar. Walau bagaimanapun, amaun tersebut adalah tidak dijamin.



KEMATIAN AKIBAT KEMALANGAN

Apabila Orang Yang Dilindungi meninggal dunia akibat kemalangan, tambahan 100% dari Amaun Perlindungan Asas akan dibayar tambahan daripada Manfaat Kematian.

la akan dibayar dari Dana Risiko dan manfaat ini adalah dijamin.



MANFAAT IMPIAN

Direka untuk memberikan perlindungan yang berpanjangan dengan tempoh pembayaran sumbangan takaful yang mengikut keperluan anda, anda boleh memilih pelan fleksibel kami di bawah untuk menerima Manfaat Impian yang dijadualkan setiap 2 tahun sehingga pelan matang. Penukaran pelan tidak dibenarkan selepas sijil berkuat kuasa.

Pelan 5Pay20

Nikmati 20 tahun perlindungan dengan 5 tahun bayaran sumbangan.

Tahun Sijil Takaful Berakhir	% dari Perlindungan Asas
2 – 10	5.00
12 – 20	25.00
JUMLAH	150.00

Pelan 10Pay25

Nikmati 25 tahun perlindungan dengan 10 tahun bayaran sumbangan.

Tahun Sijil Takaful Berakhir	% dari Perlindungan Asas
2 – 10	5.00
12 – 20	17.50
22 – 24	25.00
25	30.00
JUMLAH	192.50

Pelan 20Pay30

Nikmati 30 tahun perlindungan dengan 20 tahun bayaran sumbangan.

Tahun Sijil Takaful Berakhir	% dari Perlindungan Asas
2 – 20	5.00
22 – 28	25.00
30	80.00
JUMLAH	230.00

Anda boleh nikmati Manfaat Impian berdasarkan pilihan bayaran di bawah:

- Melabur semula Manfaat Impian ke dalam PIF anda;
- Deposit Manfaat Impian ke akaun simpanan bank anda; atau
- Deposit Manfaat Impian ke dalam Tabung Haji anda.

Peserta Takaful boleh menukar pilihan pembayaran bila-bila masa dengan memberi notis bertulis kepada kami.



MANFAAT MATANG

Apabila pelan anda matang, anda akan menerima Amaun Perlindungan Asas DITAMBAH baki PIF secara sekali gus.

Amaun Perlindungan Asas akan dibayar dari Dana Risiko dan ianya adalah dijamin manakala PIF adalah tertakluk kepada baki terkini, dan ianya adalah tidak dijamin.

Soalan Lazim

Apa itu IKHLAS Impianku?

IKHLAS Impianku ialah pelan sumbangan takaful yang menyediakan Manfaat Impian yang berjadual setiap 2 tahun, berdasarkan Amaun Perlindungan Asas anda.

Siapa yang layak menyertai IKHLAS Impianku?

Umur kemasukan minimum (Umur Hari Jadi Akan Datang)	Umur kemasukan maksimum (Umur Hari Jadi Akan Datang)		
	Pelan 5Pay20	Pelan 10Pay25	Pelan 20Pay30
30 hari	60 tahun	55 tahun	50 tahun

Apakah amaun perlindungan minimum dan maksimum?

Minimum: RM 15,000

Maksimum: tertakluk kepada pengunderaitan

Apakah mod pembayaran untuk IKHLAS Impianku?

Sumbangan takaful boleh dibuat secara bulanan, suku tahunan, setengah tahun dan tahunan.

Apakah konsep syariah yang diguna pakai dalam IKHLAS Impianku?

Tabarru' - merujuk kepada sumbangan oleh Peserta-Peserta Takaful ke dalam Dana Risiko yang bertujuan menyediakan manfaat kewangan bersama yang kena dibayar kepada Peserta-Peserta Takaful atau kepada benefisiari mereka pada masa berlaku sesuatu kejadian yang telah dipersetujui secara bersama. Tabarru' akan berkuat kuasa apabila anda mula menyumbang ke dalam Dana Risiko.

Wakalah bil Ujrah - kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal (muwakkil) membenarkan pihak lain sebagai ejen (wakil) untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan mengenakan bayaran. Di dalam konteks pihak Syarikat, kami dilantik sebagai ejen (wakil) untuk melaksanakan Perniagaan Takaful dan fi Wakalah (Ujrah) akan dibayar kepada pihak Syarikat.

Apakah yuran & caj yang dikenakan untuk IKHLAS Impianku?

Yuran Wakalah

Yuran wakalah adalah amaun yang akan ditolak daripada Sumbangan Takaful yang bayar untuk menjalankan Perniagaan Takaful. Yuran wakalah yang dikenakan ke atas Sijil Takaful ini dinyatakan di Helaian Maklumat Sijil Takaful.

Tabarru' (derma)

Tabarru' adalah baki dari Sumbangan Takaful yang dibayar selepas ditolak Yuran Wakalah dan akan ditolak pada Tarikh Akhir Sumbangan. Amaun ini akan dimasukkan ke dalam Dana Risiko.

Tabarru' akan dipantau dari semasa ke semasa dan dibandingkan dengan rekod prestasi kami dan mungkin akan disemak semula jika perlu.

Caj Sijil Takaful¹

Caj Sijil Takaful akan ditolak dari PIF mengikut kekerapan bayaran secara bulanan. RM4 untuk frekuensi bayaran secara tahunan dan RM5 untuk frekuensi bayaran yang lain.

Caj Pengeluaran Sebahagian¹

Caj Pengeluaran Sebahagian sebanyak RM50 akan dikenakan untuk setiap transaksi kecuali untuk dua (2) pengeluaran yang pertama.

Insentif Lebihan Prestasi (SPI)

Sebarang lebihan yang diisytiharkan daripada Dana Risiko pada akhir setiap tahun kewangan adalah tertakluk kepada SPI sebanyak 50% daripada jumlah kasar lebihan boleh agih.

Yuran Prestasi Pelaburan (IPF)

Sebarang pendapatan pelaburan yang dijana daripada PIF adalah tertakluk kepada IPF sehingga 30%.

Caj Serahan¹

Semasa serahan, caj serahan sebanyak RM100 akan ditolak dari nilai PIF. Jika nilai PIF adalah kurang dari RM100, bakinya akan diambil dari Nilai Serahan.

Sekiranya Nilai Serahan ditambah amaun PIF adalah kurang daripada RM100, tiada amaun serahan akan dibayar semasa serahan.

¹ Kami berhak untuk menyemak semula yuran dan caj dengan memberikan notis bertulis selama 30 hari kepada peserta takaful.

Nilai Serahan

Semasa permohonan serahan dibuat, perlindungan Takaful akan luput, dan anda akan menerima:

- (i) Nilai Serahan (% daripada Sumbangan Takaful yang dibayar); dan
- (ii) Amaun terkumpul adalah berdasarkan Tarikh permintaan untuk serahan, jika ada, di dalam Dana Individu Peserta.

Apakah pengecualian yang terdapat di bawah IKHLAS Impianku?

Pengecualian Manfaat Kematian

Manfaat Kematian tidak akan dibayar sekiranya Orang Yang Dilindungi meninggal dunia secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh membunuh diri, sama ada siuman atau tidak siuman dalam tempoh dua belas (12) bulan dari Tarikh Sijil Takaful Dikeluarkan atau Tarikh Penguatkuasaan Semula, yang mana kemudian.

Untuk keadaan tersebut, amaun terkumpul di dalam PIF akan dipulangkan semula.

Pengecualian Manfaat Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK)

Manfaat HUMK tidak akan dibayar jika HUMK disebabkan secara langsung atau tidak langsung oleh mana-mana yang berikut:-

- i) Sebarang Kehilangan Upaya, penyakit, atau kecederaan yang Orang Yang Dilindungi telah didiagnosis atau wujud sebelum atau pada tarikh kemasukan atau tarikh penguatkuasaan semula Sijil Takaful; atau
- ii) Percubaan membunuh diri atau tindakan memudaratkan diri sendiri oleh Orang Yang Dilindungi ketika siuman atau tidak siuman; atau
- iii) Akibat penyalahgunaan dadah atau di bawah pengaruh alkohol.

Pengecualian Manfaat Kematian Akibat Kemalangan

Manfaat kematian akibat kemalangan tidak akan dibayar jika kejadian kemalangan berpunca secara langsung atau tidak langsung oleh perkara-perkara yang berikut:-

- i) Sebarang pelanggaran undang-undang jenayah atau cubaan pelanggaran undang-undang atau penentangan terhadap penangkapan oleh Orang Yang Dilindungi; atau
- ii) Penyertaan dalam rusuhan, kacau-bilau awam, pemberontakan, perang (sama ada diisytiharkan atau tidak), revolusi atau sebarang operasi peperangan, tindakan musuh asing, sebarang kegiatan keganasan dan peperangan kimia; atau
- iii) Bunuh diri, sama ada siuman atau tidak siuman dalam tempoh dua belas (12) bulan dari Tarikh Kuat Kuasa Sijil Takaful atau Tarikh Penguatkuasaan Semula Sijil Takaful, yang mana kemudian.

Nota: Senarai pengecualian ini adalah tidak menyeluruh. Anda mesti merujuk kepada sijil takaful untuk senarai penuh pengecualian.

Nota Penting

- 1 Brosur ini adalah sebagai maklumat umum sahaja. Ini bukan kontrak takaful. Syarat-syarat yang dinyatakan adalah tidak menyeluruh dan tidak lengkap. Sila rujuk helaian keterangan produk dan ilustrasi manfaat untuk maklumat lanjut, dan yuran-yuran dan caj-caj yang dikenakan.
- 2 Ini adalah produk takaful endowmen yang menyediakan kombinasi perlindungan dan simpanan. Manfaat-manfaat akan dibayar sama ada semasa sijil takaful matang, orang yang dilindungi meninggal dunia atau Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (HUMK) semasa tempoh sijil takaful, yang mana terdahulu.
- 3 Takaful Ikhlas Family Berhad berhak untuk menyemak semula kadar sumbangan takaful dan tabarru', yuran-yuran dan caj-caj, manfaat, terma dan syarat. Anda akan dimaklumkan secara bertulis mengenai semakan melalui notis tiga puluh (30) hari sebelum ulang tahun sijil takaful anda.
- 4 Anda perlu memastikan bahawa pelan yang dipilih memenuhi keperluan anda dan sumbangan takaful yang dibayar dibawah pelan ini adalah amaun yang anda mampu bayar.

5. Lien adalah terpakai untuk kanak-kanak di bawah umur lima (5) tahun, dimana amaun manfaat yang akan dibayar adalah lebih rendah. Amaun perlindungan akan dibayar berdasarkan jadual berikut, tertakluk kepada terma dan syarat sijil takaful:

Umur Semasa Kematian/ HUMK (Hari Jadi Akan Datang)	Peratusan dari Manfaat Dibayar
1 Tahun	20%
2 Tahun	40%
3 Tahun	60%
4 Tahun	80%
5 Tahun dan ke atas	100%

6. Pulangan daripada PIF anda, jika ada, adalah berdasarkan prestasi sebenar dana dan ianya tidak dijamin. Sekiranya sumbangan Takaful tidak dibayar, baki PIF akan digunakan untuk membayar sumbangan Takaful yang telah sampai tarikh bayaran. Oleh itu, ada kemungkinan baki PIF anda menjadi tidak mencukupi untuk membayar sumbangan dan/atau caj lain yang berkaitan akibat prestasi pelaburan yang kurang baik atau sebarang pengeluaran sebahagian semasa tempoh sijil. Dalam keadaan sedemikian, anda perlu membayar sumbangan tambahan sekiranya ingin mengekalkan sijil Takaful anda sehingga tarikh matang.
7. Anda diberi tempoh bertenang selama lima belas (15) hari selepas sijil takaful diberikan kepada anda untuk memastikan kesesuaian menyertai pelan ini. Anda boleh membatalkan sijil takaful ini dengan mengembalikan sijil takaful kepada Takaful Ikhlas Family Berhad dalam tempoh bertenang. Takaful Ikhlas Family Berhad akan membatalkan dengan serta merta setelah menerima sijil takaful dan memulangkan kepada anda sumbangan takaful yang telah dibayar.
8. Selepas bayaran sumbangan takaful pertama, kegagalan pembayaran sumbangan takaful seterusnya kepada Takaful Ikhlas Family Berhad pada tarikh akhir bayaran atau dalam tempoh ehsan akan dianggap sebagai tertunggak.
9. Jika pada tempoh ehsan tamat dan baki di dalam PIF tidak mencukupi untuk membayar sumbangan takaful dan caj-caj, sijil takaful akan luput dan tidak mempunyai nilai selanjutnya.
10. Sekiranya sijil takaful luput, penguatkuasaan semula sijil takaful dibenarkan tertakluk kepada terma dan syarat Takaful Ikhlas Family Berhad.
11. Sijil takaful ini menyediakan amaun manfaat daripada dana risiko seandainya berlaku pembatalan, kematangan, penyerahan atau tamat tempoh sijil takaful.
12. Perubahan pelan adalah tidak dibenarkan selepas sijil takaful berkuat kuasa. Walau bagaimanapun, anda boleh menukar bayaran Manfaat Impian dari/ ke PIF, Tabung Haji atau mana-mana pilihan yang akan dibenarkan pada masa akan datang, pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada kami.
13. Adalah penting untuk anda memberikan maklumat lengkap dan tepat untuk membolehkan kami mencadangkan produk takaful keluarga yang bersesuaian, dengan mengambil kira kesesuaian produk tersebut kepada keperluan dan keadaan anda.
14. Jumlah yang akan dikecualikan daripada cukai pendapatan dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk sumbangan takaful adalah tertakluk kepada persetujuan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.
15. Takaful Ikhlas Family Berhad mempunyai hak untuk menolak tuntutan anda sekiranya tuntutan anda termasuk di bawah pengecualian yang dinyatakan di atas.
16. Untuk maklumat lanjut, anda boleh merujuk kepada buku panduan info insurans mengenai 'Takaful Keluarga' dengan melayari www.insuranceinfo.com.my.

